

Galak murid aktif aktiviti kokurikulum gilap bakat kepemimpinan

Dr Siti Sabihah Ghazali,
Fakulti
Pengajian
Pendidikan, UPM

Barisan kepemimpinan negara pada masa akan datang perlu dibentuk sejak muda. Justeru, ia memerlukan kerjasama sekolah untuk merangka strategi menggilap bakat kepemimpinan murid.

Apatah lagi hal ini selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menggariskan perkembangan potensi individu secara menyeluruh merangkumi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Dalam konteks sekolah ia boleh dilatih menerusi aktiviti kokurikulum, pengalaman menggalas tanggungjawab dalam kepemimpinan seperti dilantik menganggotai lembaga pengawas sekolah atau pusat sumber dan pelbagai lagi persatuan.

Bagaimanapun hari ini, pembabitan murid dalam aktiviti kokurikulum seperti sekadar melepaskan batuk di tangga, tidak dihayati dan dirancang sebaiknya. Adakala, murid seperti perlu dipaksa untuk menyertai aktiviti kokurikulum.

Pudarnya minat murid mungkin disebabkan anggapan segelintir ibu bapa berasaskan aktiviti kokurikulum yang dilakukan selepas waktu sekolah adalah hal membuang masa. Anggapan sebegitu memberi kesan dalam usaha memupuk ciri kepemimpinan, kemahiran berkomunikasi, mengatur masa, memberi arahan juga disiplin diri dalam kalangan anak muda. Hal ini juga membantu membentuk kemahiran berfikir aras tinggi, iaitu ciri yang baik untuk seorang bakal pemimpin negara.

Justeru, ibu bapa disarankan lebih cakna akan pembabitan aktif anak dalam aktiviti kokurikulum. Di sini peranan kepemimpinan pengetua atau guru besar sekolah untuk meyakinkan ibu bapa pentingnya pembabitan anak secara aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.

Pada masa sama, pengurusan sekolah juga disarankan untuk membantu murid yang dilihat pa-

sif dalam aktiviti kokurikulum. Hal ini bagi membantu mereka untuk lebih menonjolkan diri dalam aktiviti yang diminati. Kita menyedari bahawa guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sudah menggalas tanggungjawab dengan cemerlang sebagai pelaksana dan penyusun dasar pendidikan yang berfokus kepada melahirkan generasi yang selari dengan FPK.

Pembabitan ibu bapa, komuniti secara aktif

Namun begitu, dalam memastikan murid membabitkan diri dalam aktiviti kokurikulum, disarankan ia perlu juga pembabitan ibu bapa dan komuniti secara aktif. Ia boleh dicapai menerusi usaha bersama sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) secara aktif.

Pada masa sama, pemeraksanaan kepemimpinan murid di sekolah perlu dimulakan secara menyeluruh melalui kepemimpinan pengetua dan guru besar sekolah. Bersandarkan kepada kepemimpi-

nan melalui teladan, pengetua atau guru besar yang berkepemimpinan dalam memacu peningkatan sekolah adalah ikon terbaik dalam usaha mengasah kepemimpinan murid.

Pemeriksaan ini membawa maksud kepercayaan dan kebertanggungjawaban diamanahkan kepada murid yang dilantik sebagai pemimpin ini perlu diaplikasikan ke dalam diri mereka. Ia bermula dengan memberikan kepercayaan dan tanggungjawab kepada pemimpin muda yang dilantik ini dalam melaksanakan aktiviti setara umur mereka.

Begitu besar peranan yang perlu dimainkan oleh pengetua dan guru untuk mencorakkan kepemimpinan negara dalam kalangan murid melalui medium sekolah. Hal ini menjelaskan sekolah bukan hanya sebagai tempat untuk mempelajari subjek tertentu bahkan menjadi satu acuan penghasilan kemanusiaan yang holistik merangkumi pendidikan dan sahsiah yang boleh menyumbang kepada negara pada masa akan datang.



Guru wajar galak murid aktif dalam aktiviti kokurikulum bantu mereka galas tanggungjawab.